

Bab 5

Kitab Tibb (Ms. 33) :Konsep Kesihatan dan Etnofarmakologi

5.1 Pengenalan

Kitab Tibb yang dipilih ini boleh dianggap mewakili korpus kitab Tibb lain yang banyak terdapat dalam koleksi-koleksi manuskrip di dalam dan luar negeri. Kitab Tibb ini adalah koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka dan diberi nombor Ms. 33. Manuskrip ini setelah diperiksa didapati bukanlah manuskrip yang asli¹ tetapi salinan foto positif yang telah dibuat oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam tahun 1968. Salinan foto ini dibuat dengan kemas kecuali halaman 184 dan 185 telah didapati hilang dan tidak diketahui adakah ia memang tiada dari manuskrip asal atau hilang semasa proses membuat salinan foto. Dari salinan foto ini diketahui manuskrip ini mempunyai sebanyak 500 halaman bertulis dan setiap halaman mempunyai 20 baris dan purata 13 patah perkataan bagi setiap baris. Kitab ini sebagaimana tercatat pada halaman indeksnya adalah kepunyaan Raja Besar, Kelantan (Sultan Muhamad II, memerintah dari 1839 -

¹ Dalam katalog manuskrip yang terdapat dalam simpanan Dewan Bahasa dan Pustaka, Ms. 33 disenaraikan sebagai sebuah manuskrip. Ini adalah satu kesilapan kerana salinan foto bukanlah sebuah manuskrip, tetapi untuk tujuan kajian ini salinan foto ini digunakan dan akan disebut sebagai Ms. 33 sebagaimana nama yang diberikan oleh DBP. Manuskrip ini juga yang sebahagiannya dibuat transliterasi oleh A. Samad Ahmad.

1886). Terdapat juga cop mohor kerajaan kelantan pada halaman awal dan akhir manuskrip ini.

Pada bahagian kolofon manuskrip ini tercatat bahawa manuskrip ini telah disalin oleh Muhammad Salleh bin Ahmad. Penyalinannya tamat pada bulan Syawal 1288 hijrah iaitu bersamaan dengan tahun 1871 masihi. Ini bermakna manuskrip ini telah berusia lebih daripada 120 tahun. Sungguhpun begitu tidak dinyatakan daripada sumber mana manuskrip ini disalin dan sudah berapa salinan manuskrip seumpama ini dihasilkan oleh penyalin.²

Manuskrip yang berusia lebih 120 tahun ini bertulis tangan jawi dengan kemas dan cantik. Kemahiran menulis dengan sebegini menunjukkan bahawa penyalinnya sudah tentu seorang yang benar-benar mahir dengan tulisan jawi dan Arab. Stail penulisannya masih dengan cara lama seperti yang digunakan dalam kitab-kitab berunsur Islam iaitu dibahagikan kepada fasal dan bab. Manuskrip ini dibahagikan kepada 147 fasal dan setiap fasal mengandungi beberapa bab tertentu. Ejaan yang digunakan dalam manuskrip ini adalah ejaan lama dan tanpa tanda baca dan perenggan. Di dalam manuskrip ini terdapat juga salah ejaan dan perkataan yang berulang-ulang tetapi tidak dipotong oleh penyalinnya kerana mungkin tidak mahu manuskrip ini menjadi comot. Manuskrip asal tidak dapat dikesan, tetapi sebuah manuskrip yang telah dibeli oleh Prof. Mohd Taib Osman dalam tahun 70an daripada bomoh diRaja Kelantan nampaknya memperlihat ciri-ciri yang sama.³ Tetapi atas

² Sebuah Kitab Tibb lain yang juga mempunyai 147 fasal dan lebih kurang 500 halaman pernah ditemui di Kelantan. manuskrip ini lebih lewat kerana disalin dalam tahun 1890. Tetapi besar kemungkinan ia mempunyai kaitan dengan manuskrip Ms 33 ini. Lihat Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh "Manuskrip Melayu dari Kelantan: Satu Tinjauan Awal" dalam *Jurnal Filologi Melayu*, Jilid I (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1992) hal. 81

³ Ini berdasarkan maklumat dari tulisan Prof. Mohd Taib Osman dalam jurnal *Bijdragen* yang memberi deskripsi sebuah manuskrip yang dibelinya daripada Bomoh diraja Kelantan yang mengandungi 147 fasal dan setebal 500 halaman. Lihat Mohd Taib Osman, "Pattern of

sebab-sebab yang diluar keupayaan pengkaji, pengkaji tidak dapat melihat manuskrip ini dan memastikan kedudukan yang sebenar.

Ringkasan beberapa bahagian manuskrip ini telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam tahun 1982.⁴ A.Samad Ahmad penyelenggara teks ini bagaimanapun hanya mengambil bahagian-bahagian tertentu dan meninggalkan bahagian-bahagian yang lain seperti penyakit-penyakit ketumbuhan dan banyak lagi serta bahagian yang mempunyai doksologi tertentu tertutama yang asing daripada budaya Islam. Terdapat juga beberapa kesalahan transliterasi seperti meletakkan tanda baca pada tempat yang salah dan menyalin nama-nama materia medika dan juga penyakit secara langsung walaupun terdapat kesalahan-kesalahan ortografi oleh menyalin asal.⁵

Manuskrip ini juga memperlihatkan ciri sinkritisme yang ketara iaitu terdapatnya segala unsur-unsur yang pernah bertapak di Alam Melayu ini. Selain daripada unsur Islam yang dominan terdapat unsur lain seperti anamisme dan Hinduisme. Terdapat juga unsur asing lain seperti Siam dan Burma digunakan terutamanya dalam jampi-jampi yang tertentu. Satu hal yang unik dalam manuskrip ini ialah walaupun terdapat jampi-jampi mentera yang menyebut dewa Hindu seperti Betara Guru dan jin-jin

Supernatural Premises Underlaying the Institutions of the Bomoh in Malay Culture", dalam *Bijdragen Tot De Taal-, Land-, En Volkenkunde*, Deel 128 (1972) hlm 230-231.

⁴ A. Samad Ahmad, *Warisan Perubatan Melayu*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982) Petikan-petikan tentang materia medika adalah diambil daripada buku ini kerana ia boleh dirujuk oleh pihak lain dengan mudah, walaupun bagaimanapun terdapat petikan yang diambil daripada manuskrip Jawi dan setiap petikan akan dinyatakan sumbernya.

⁵ Kesalahan meletakkan tanda baca ini amat ketara misalnya dalam hal. 13. Sepatutnya ayatnya ialah "Fasal ini pada menyatakan sekalian sakit demam di dalam tubuh manusia, kerana angin, darah, balgham. Dan pitam ialah yang menyampaikan pergi mari sakit demam..." Sebaliknya A. Samad Ahmad tidak meletakkan tanda noktal selepas perkataan "balgham" dan ini sudah tentu mengubah makna seluruhnya. Dalam transliterasi berkenaan juga penyakit seperti Naga Balun di eja sebagai Naga Balan dan salah satu materia medika yang disebutkan iaitu Jabar risyadah adalah kesalahan menyalin awal dan ejaan yang betul ialah Habb ar Rasyad.

tertentu yang mana ini jelas ditolak oleh faham teologi Islam yang monoestik, tetapi nama Allah tidak ditinggalkan malah disebut bersama. Pengaruh Wayang Kulit juga terdapat dalam manuskrip ini khususnya dalam fasal 2 hingga 5. Kemahiran seseorang pengamal perubatan Melayu di negeri-negeri seperti Kelantan dan Terengganu ada kaitannya dengan ilmu yang diperolehi melalui ilmu perwayangan.⁶ Seorang bomoh biasanya juga seorang Tok Dalang yang terlibat dalam persembahan wayang kulit dan teknik rawatannya adalah melalui simbol-simbol dan objek yang diambil daripada permainan wayang kulit.⁷

Untuk gambaran yang lebih lengkap kandungan manuskrip ini diturunkan kandungan Manuskrip ini seperti dinyatakan dalam bahagian fihris atau indeksnya. Kitab ini mengandungi 147 fasal seperti berikut:

- Fasal 1 : Fasal makrifat Tabib akan mengubat orang sakit
- Fasal 2 : Fasal makrifat Tabib yang bijaksana
- Fasal 3 : Fasal pemegang segala yang menjadi bomoh hendak mengubat orang
- Fasal 4 : Fasal pemegang seorang bomoh yang amat mustajab
- Fasal 5 : Fasal pemegang yang menjadi bomoh
- Fasal 6 : Fasal doa Nabi Yunus hendak mengalin
- Fasal 7 : Fasal dirajah pada telor ayam yang baharu
- Fasal 8 : Fasal hikmat membuang jin dan syaitan

⁶ Dalam temubual yang pernah dibuat oleh Taib Osman dengan seorang bomoh Di raja Kelantan, Pak Nik Abdul Rahman, bomoh ini memberitahu bahawa ilmu perbomohnya adalah berdasarkan falsafah ilmu pewayangan iaitu wayang kulit. Lihat Taib Osman,dalam Paterns of Supernatural Premises, hal. 225

⁷ Penggunaan simbol-simbol dan falsafah ilmu pewayangan ini direkodkan juga oleh Roland Warner yang pernah berdamping secara akrab dengan Pak Nik Abdul Rahman. Aspek diagnosis dan therapeutik bomoh di Raja ini menggunakan objek dan simbol daripada permainan wayang kulit. Lihat Warner, R., *Bomoh/Dukun The Practices and Philosophies of the Traditional Malay Healer*.

- Fasal 9 : Fasal hikmat menilik dian
- Fasal 10 : Fasal menyatakan apabila hendak mengetahui penyakit serta ubatnya
- Fasal 11 : Fasal memanggil Raja Jin hendak bertanyakan penyakit dan ubatnya.
- Fasal 12 : Fasal Hikmat mendudat tembakau
- Fasal 13 : Fasal hikmat orang menurunkan mayang
- Fasal 14 : Fasal berbuat celak hendak melihat orang sakit
- Fasal 15 : Fasal memeliharakan diri daripada terkena angin
- Fasal 16 : Fasal kata tabib daripada empat buah benua
- Fasal 17 : Fasal daripada hakim hendak menyurat azimat
- Fasal 18 : Fasal menyatakan bintang duabelas
- Fasal 19 : Fasal menyatakan hendak mengetahui orang berkhabar sungguh atau bohong
- Fasal 20 : Fasal menyatakan kejadian manusia dijadikan
- Fasal 21 : Fasal menyatakan sekelian sakit dalam tubuh manusia
- Fasal 22 : Fasal hendak menyatakan asal penyakit seseorang manusia itu
- Fasal 23 : Fasal menyatakan penyakit yang bernama penyakit akhsinat
- Fasal 24 : Fasal menyatakan penyakit kepialu
- Fasal 25 : Fasal menyatakan ubat demam panas
- Fasal 26 : Fasal menyatakan ubat balsini putih kuning warnanya
- Fasal 27 : Fasal pada menyatakan ubat hendak muntah
- Fasal 28 : Fasal pada menyatakan ubat muntah darah
- Fasal 29 : Fasal pada menyatakan ubat balgham yang panas kering
- Fasal 30 : Fasal pada menyatakan ubat serak yang tidak boleh berkata-kata
- Fasal 31 : Fasal pada menyatakan ubat sedu
- Fasal 32 : Fasal pada menyatakan ubat sakit kepala
- Fasal 33 : Fasal pada menyatakan ubat bedung
- Fasal 34 : Fasal pada menyatakan ubat resdong

- Fasal 35 : Fasal pada menyatakan ubat sakit mata
- Fasal 36 : Fasal pada menyatakan ubat sakit telinga
- Fasal 37 : Fasal pada menyatakan berbaiki rambut
- Fasal 38 : Fasal pada menyatakan ubat gigi
- Fasal 39 : Fasal pada menyatakan ubat serawan
- Fasal 40 : Fasal pada menyatakan ubat orang kena syaitan
- Fasal 41 : Fasal pada menyatakan mengeluarkan peluh demam kepialu
- Fasal 42 : Fasal pada menyatakan ubat sakit leher
- Fasal 43 : Fasal pada menyatakan mentera orang lekat tulang
- Fasal 44 : Fasal pada menyatakan ubat batuk
- Fasal 45 : Fasal pada menyatakan ubat esak
- Fasal 46 : Fasal pada menyatakan ubat pitam
- Fasal 47 : Fasal pada menyatakan ubat senak hati
- Fasal 48 : Fasal pada menyatakan ubat sudi penyakit
- Fasal 49 : Fasal pada menyatakan peri mengetahui penyakit medu
- Fasal 50 : Fasal pada menyatakan ubat sembelit
- Fasal 51 : Fasal pada menyatakan ubat sakit pinggang
- Fasal 52 : Fasal pada menyatakan ubat sakit perut
- Fasal 53 : Fasal pada menyatakan ubat ceruh
- Fasal 54 : Fasal pada menyatakan ubat yang tidak boleh ke sungai
- Fasal 55 : Fasal pada menyatakan ubat kencingkan darah
- Fasal 56 : Fasal pada menyatakan ubat karang
- Fasal 57 : Fasal pada menyatakan ubat perut bengkak
- Fasal 58 : Fasal pada menyatakan ubat bantut buasir
- Fasal 59 : Fasal pada menyatakan ubat pencahar
- Fasal 60 : Fasal pada menyatakan ubat burut
- Fasal 61 : Fasal pada menyatakan ubat untut

- Fasal 62 : Fasal pada menyatakan ubat angin
- Fasal 63 : Fasal pada menyatakan ubat lenguh lumpuh
- Fasal 64 : Fasal pada menyatakan ubat maajun
- Fasal 65 : Fasal pada menyatakan naga balun
- Fasal 66 : Fasal pada menyatakan ubat sakit dalam perut berlama-lamaan
- Fasal 67 : Fasal pada menyatakan ubat penyakit hidap
- Fasal 68 : Fasal pada menyatakan ubat chika
- Fasal 69 : Fasal pada menyatakan ubat pembantut barah
- Fasal 70 : Fasal pada menyatakan ubat pembantut sepán
- Fasal 71 : Fasal pada menyatakan ubat kayap
- Fasal 72 : Fasal pada menyatakan ubat kelamayan yakni puru
- Fasal 73 : Fasal pada menyatakan ubat pembantut beca
- Fasal 74 : Fasal pada menyatakan ubat puru parang
- Fasal 75 : Fasal pada menyatakan ubat puru bisa
- Fasal 76 : Fasal pada menyatakan ubat bengkak bisul
- Fasal 77 : Fasal pada menyatakan ubhat sengal
- Fasal 78 : Fasal pada menyatakan ubat penyakit di dalam tulang sendi
- Fasal 79 : Fasal pada menyatakan penyakit kedal
- Fasal 80 : Fasal pada menyatakan ubat badam
- Fasal 81 : Fasal pada menyatakan ubat luka
- Fasal 82 : Fasal pada menyatakan ubat tahan darah
- Fasal 83 : Fasal pada menyatakan mentera orang patah
- Fasal 84 : Fasal pada menyatakan ubat panau
- Fasal 85 : Fasal pada menyatakan ubat risa
- Fasal 86 : Fasal pada menyatakan pengukus mengeluarkan peluru
- Fasal 87 : Fasal pada menyatakan tasbih nabi yunus
- Fasal 88 : Fasal pada menyatakan hangus terbakar

- Fasal 89 : Fasal pada menyatakan ubat kurap lesung
- Fasal 90 : Fasal pada menyatakan hikmah menolak perbuatan orang
- Fasal 91 : Fasal pada menyatakan tawar sekelian racun
- Fasal 92 : Fasal pada menyatakan tawar pagut ular
- Fasal 93 : Fasal pada menyatakan ubat mengenal penyakit badi
- Fasal 94 : Fasal pada menyatakan hikmat badi
- Fasal 95 : Fasal pada menyatakan ubat perempuan busong
- Fasal 96 : Fasal pada menyatakan ubat sengugut
- Fasal 97 : Fasal pada menyatakan ubat selusuh orang beranak
- Fasal 98 : Fasal pada menyatakan ubat meroyan
- Fasal 99 : Fasal pada menyatakan mengenal sawan
- Fasal 100 : Fasal pada menyatakan penyakit serawan
- Fasal 101 : Fasal pada menyatakan ubat cacing
- Fasal 102 : Fasal pada menyatakan peri penyakit gila
- Fasal 103 : Fasal pada menyatakan ubat pembantut ketumbuhan
- Fasal 104 : Fasal pada menyatakan perkara puru ketumbuhan
- Fasal 105 : Fasal pada menyatakan pru ketumbuhan yang jahat
- Fasal 106 : Fasal pada menyatakan penawar dalam ketumbuhan
- Fasal 107 : Fasal pada menyatakan buat mandi bermula kebah baik demam
- Fasal 108 : Fasal pada menyatakan ubat jelum pada sekelian tubuh
- Fasal 109 : Fasal pada menyatakan ubat penjaram jika demam
- Fasal 110 : Fasal pada menyatakan pembantut ketumbuhan
- Fasal 111 : Fasal pada menyatakan ubat jaram pangsi
- Fasal 112 : Fasal pada menyatakan ubat ketumbuhan sudah pecah
- Fasal 113 : Fasal pada menyatakan ubat hendak segera ketumbuhan pecah
- Fasal 114 : Fasal pada menyatakan ubat apabila ketumbuhan sudah pecah
- Fasal 115 : Fasal pada menyatakan ubat pedih atau sakit seluruh badan

- Fasal 116 : Fasal pada menyatakan sakit kepala sebab ketumbuhan
- Fasal 117 : Fasal pada menyatakan senak hati sebab ketumbuhan
- Fasal 118 : Fasal pada menyatakan ubat tutup hati
- Fasal 119 : Fasal pada menyatakan ubat puru sebab ketumbuhan
- Fasal 120 : Fasal pada menyatakan ubat terang mata
- Fasal 121 : Fasal pada menyatakan ubat tidak boleh ke sungai besar (buang air besar)
- Fasal 122 : Fasal pada menyatakan ubat pencahar
- Fasal 123 : Fasal pada menyatakan ubat cucuh pada puru
- Fasal 124 : Fasal pada menyatakan ubat sakit leher sebab ketumbuhan
- Fasal 125 : Fasal pada menyatakan ubat bedak tekala ketumbuhan sudah pecah
- Fasal 126 : Fasal pada menyatakan ubat bengkak sebab ketumbuhan
- Fasal 127 : Fasal pada menyatakan ubat ketumbuhan
- Fasal 128 : Fasal pada menyatakan ubat rendam pada air mandi jika ketumbuhan
- Fasal 129 : Fasal pada menyatakan ubat bengkak sendi
- Fasal 130 : Fasal pada menyatakan ubat ketumbuhan supaya mudah berubat
- Fasal 131 : Fasal pada menyatakan ubat kudis
- Fasal 132 : Fasal pada menyatakan ubat demam campak
- Fasal 133 : Fasal pada menyatakan perbuatan hikmat paju (azimat)
- Fasal 134 : Fasal pada menyatakan hikmat untuk buka hutan
- Fasal 135 : Fasal pada menyatakan isyarat membuang apian (menghilangkan letih)
- Fasal 136 : Fasal pada menyatakan ubat melembutkan tepung
- Fasal 137 : Fasal pada menyatakan ubat halau babi
- Fasal 138 : Fasal pada menyatakan ubat halau tikus
- Fasal 139 : Fasal pada menyatakan burung makan padi
- Fasal 140 : Fasal pada menyatakan tuah anjing
- Fasal 141 : Fasal pada menyatakan hal ehwal kucing

- Fasal 142 : Fasal pada menyatakan hal ehwal ayam
Fasal 143 : Fasal pada menyatakan laksan burung ketitir
Fasal 144 : Fasal pada menyatakan berbuat air dakwat
Fasal 145 : Fasal pada menyatakan minyak wangi
Fasal 146 : Fasal pada menyatakan usul kerbau
Fasal 147 : Fasal pada menyatakan hal ehwal bintang

Beberapa isi kandungan manuskrip ini dapat ditemui dalam kitab-kitab Tibb yang lain, contohnya dalam Ms. 758 PNM1, dan Ms. 47 DBP. Kitab Tibb ini seperti kitab Tibb yang lain adalah merupakan himpunan pelbagai doktrin, cara-cara pengubatan dan ramuan ubat-ubatan yang dipetik daripada kitab-kitab lain atau rakaman bertulis daripada ajaran seseorang pengamal perubatan tempatan. Ia tidak mempunyai tema yang seragam dan ini membuktikan kemajmukan sumbernya. Kandungan manuskrip ini boleh dikategorikan kepada beberapa kategori berdasarkan isi dan konteksnya. Kategori-kategori ini adalah seperti berikut;

1. Persedian untuk menjadi seorang tabib
2. Teori tentang kesihatan dan penyakit
3. Farmakopaedia dan terapeutik
4. Cara membuat azimat dan ilmu huruf
5. Ilmu astrologi
6. Etnozoologi
7. Teknologi

5.1.1 Panduan untuk menjadi tabib

Manuskrip ini memberi beberapa panduan sebagai persediaan kepada seseorang yang hendak menjadi tabib. Perkara ini meliputi fasal 1 hingga 5. Fasal-fasal ini boleh dikelaskan sama ada dari pengaruh, Islam, tempatan atau Hindu. Fasal 1 amat jelas sifat kearabannya berdasarkan istilah tabib, penggunaan ayat-ayat al-Quran dan penggunaan nama tokoh-tokoh seperti Rijalal-Ghaib. Peranan Rijalal-Ghaib sebagai wali Allah yang paling tinggi martabatnya yang akan membantu manusia yang berada dalam kesusahan disebut dalam kitab tasyawuf Arab seperti *Kitab Futuhat al-Makiyah* karya seorang ulama Islam iaitu Muhyiddin Ibni Arabi.⁸ Peranan Rijalal-Ghaib yang terdiri dari empat orang wali atau Qutub yang masing-masing mengedari 4 penjuru mata angin, melihat isi dunia ini dan menjaga keselamatannya dan akan menjadi orang perantara untuk menyampaikan pemohonan makhluk kepada Allah. Penggunaan konsep Rijalal-Ghaib dengan sedikit perbezaan dari versi asal adalah fenomena biasa di kalangan umat Islam di Asia Tenggara yang dipengaruhi oleh aliran tasawuf Wujuddiah.⁹

Fasal ke 2 hingga 5 adalah jelas dipengaruhi oleh unsur anamisme dan Hinduisme, sungguhpun begitu dikaitkan juga dengan nama Allah. Betara Kala iaitu nama tempatan untuk Dewa Siva dalam agama Hindu masih mempunyai peranan tetapi dikaitkan dengan kenabian dan kewibawaan Nabi Adam dan kekuasaan Allah s.w.t. sebagaimana yang terdapat dalam doktrin Islam.

Fasal 5 daripada manuskrip ini lebih berupa genealogi bomoh-bomoh di Kelantan dan asal usul ilmu perubatan yang mereka miliki. Fasal ini mempunyai banyak

⁸ Corbin, H., *Creative Imagination in the Sufism of Ibn Arabi*, trans. Ralph Manheim , Bolingen Series (New Jersey: Princeton University Press,1969) hlm. 45.

⁹ Hamka, *Perkembangan Kebatinan di Indonesia*, (Jakarta; Bulan Bintang,1971) hal. 16

persamaan dengan kandungan pada pendahuluan sebuah manuskrip perubatan Melayu lain yang diberi nama *Kitab Ilmu Bomoh*.¹⁰

Fasal 1 hingga 5 ini memberi satu persedian mental dan pengetahuan asas untuk merawat orang sakit. Kepada orang Melayu-Islam dengan faham agama yang sederhana atau marginal, semua kaedah walaupun daripada kepercayaan yang berbeza dianggap sah kerana setiap kaedah rawatan dianggap sebagai satu usaha dan oleh itu dibenarkan.

5.1.2 Teori tentang kesihatan dan Penyakit

Kategori ini termasuklah fasal 6 hingga fasal 23, kecuali fasal 17 dan 18 yang menyentuh soal ilmu huruf¹¹ dan astrologi. Doktrin tentang kesihatan dan penyakit diterangkan dengan agak jelas oleh fasal-fasal ini. Diagnosis penyakit berdasarkan kaedah pemerhatian ke atas pesakit misalnya dengan melihat perubahan fizikal seperti bengkak, gementar dan lain-lain (seperti dalam fasal 23). Terdapat juga diagnosis yang berbeza daripada cara biasa iaitu melibatkan unsur magis seperti mengalin dengan telur (Fasal dua dan tujuh) dalam kategori ini. Etiologi dalam sistem perubatan Melayu menerima bahawa sakit boleh disebabkan oleh faktor fizikal dan juga supernatural.¹² Oleh itu diagnosis dan juga rawatan akan mengambil kira bukan

¹⁴ Manuskrip ini salinan foto yang dippunyai oleh perpustakaan Universiti Malaya. Tidak terdapat maklumat lanjut tentang tarikh penyalinannya atau tempat dan sumber.

¹¹ Ilmu huruf ialah satu ilmu yang melibatkan prosedur seperti mencampur nilai-nilai numerikal abjad-abjad arab dari perkataan atau nama-nama tertentu khususnya nama orang. ilmu huruf juga melibatkan penggunaan "magic square". Ilmu huruf ini sangat terkenal di kalangan masyarakat Arab sebelum dan selepas Islam dan dikaitkan dengan tradisi Karballa yang dimiliki oleh tradisi Yahudi. Lihat *Encyclopaedia of Islam*, s.v. "Ilm al-Huruf" dan "al-Jafr"

¹² Perbincangan tentang etiologi perubatan Melayu banyak disentuh antaranya oleh Basir Bin Rakim, "General Concepts of disease Causation and Therapy Among Rural Malays and Malay Psychotherapeutic Procedures including the Main Puteri of Kelantan" dalam *Majalah Tahunan Kor Ubatan dan Gigian Malaysia* (1975)

sahaja faktor fizikal bahkan supernatural. Dalam diagnosis pengunaan unsur-unsur magis seperti menurun, menilik dian diamalkan. Dalam terapeutik pula selain rawatan melibatkan sasaran fisiologi juga melibatkan rawatan psikoterapi dan psikologi melalui persembahan shamanistik.¹³

5.1.3 Farmakopaedia dan terapeutik.

Farmakopae dan therapeutik adalah isi utama dalam manuskrip ini iaitu dari fasal 24 hingga fasal 132. Berbagai-bagai jenis penyakit disebut dengan simptom-simptomnya dan juga materia medika yang sesuai. Kebanyakan materia medika yang digunakan adalah daripada alam tumbuhan, haiwan dan mineral. Kaedah rawatan juga adalah berbagai-bagai, kaedah utama ialah peyelengaraan ubat secara oral dan juga kaedah lain seperti mandi, jelum, dan juga menggurut.

Penjenisan penyakit dibuat dengan agak teliti seperti membahagikan demam kepada beberapa jenis seperti demam kepialu, demam panas dan lain-lain. Tiap-tiap satu jenis demam dipecahkan pula kepada beberapa jenis lagi misalnya terdapat empat jenis demam kepialu iaitu kepialu yang membawa sakit perut, demam kepialu yang membawa tubuh sejuk dan berpeluh, demam kepialu yang tidak menentu tandanya dan demam kepialu kepanasan. Fasal-fasal dalam kategori ini kebanyakannya mengambil kira penyakit yang disebabkan oleh unsur-unsur natural. Sungguhpun begitu rawatannya yang disebut merangkumi penggunaan ubat-ubat herba yang di-sediakan daripada akar kayu.

¹³ Lihat Hashim Awang A.R. *Pengantar Antropologi Perubatan*, him. 112

5.1.4 Cara Membuat azimat dan ilmu huruf

Kandungan kategori ini bercampur aduk antara penyediaan azimat dan membuat "wafaq" dengan elemen-elemen yang banyak dipengaruhi unsur Islam dan juga elemen tempatan. Pengaruh ini dipercayai berasal daripada tradisi perubatan yang diamalkan dibeberapa bahagian dunia Islam dan juga dalam tradisi sufi yang menerima ilmu huruf ini.¹⁴ Sesetengah waqaf ini sama dengan wafaq dalam manuskrip dan teks perubatan Melayu yang lain, misalnya wafaq untuk memudahkan perempuan bersalin atau disebut selusuh terdapat juga dalam *Kitab Mujarabbat Melayu*.¹⁵ Kategori ini meliputi fasal 17, 133, 134 dan dalam fasal-fasal yang menyebut penyediaan azimat sebagai salah satu cara rawatan. Bahagian ini juga tidak terkecuali dari campur aduk antara pengaruh anamisme dan Hinduisme.

5.1.5 Ilmu Astrologi

Ilmu astrologi atau lebih dikenali dalam masyarakat Melayu sebagai ilmu bintang dua belas juga dikaitkan dengan perubatan dalam konteks mencari masa yang sesuai untuk berubat, mencari ubat dan lain-lain. Ilmu bintang dua belas ini memang popular dalam masyarakat Melayu selepas kedatangan Islam. Terdapat sebuah Kitab ilmu bintang yang dikatakan ditulis oleh Abu Mashar al-Falaki, seorang ahli falak dari Mesir, digunakan dengan meluas dan kemudiannya diterjemahkan kebahasa Melayu.¹⁶ Dalam kitab Tibb Ms. 33 ini, kategori ini meliputi fasal 18 dan 147 .

¹⁴ Tentang ilmu huruf lihat *Encyclopaedia Of Islam*, Vol. III, (Leiden E.J. Brill, 1979) s.v. "Huruf" dan juga "al-Buni"

¹⁵ A. Samad Ahmad, *Warisan Perubatan Melayu*, hal. 129, Ms. 813, him. 1, dan *Kitab Mujarabbat Melayu*, him. 39.

¹⁶ Lihat *Kitab Bintang Dua belas*, (Pulau pinang: Persama Press, 1957)

5.1.6 Etnozoologi

Kitab Tibb ini juga memberikan beberapa maklumat tentang haiwan-haiwan tertentu yang terdapat dalam kehidupan masyarakat Melayu. Ini terkandung dalam fasal 137 hingga 143, dan fasal 146. Dalam fasal-fasal ini disebutkan cara-cara hendak menghalau makhluk perosak seperti babi, tikus dan burung yang memusnahkan tanaman padi. Fasal lain pula ialah tentang tuah dan cara pemeliharaan binatang seperti burung ketitir, kucing, anjing dan kerbau. Sifat-sifat dan perlakuan binatang-binatang ini dinyatakan dalam kitab ini. Perkara seperti ini digabungkan dalam kitab Tibb kerana ia menjadi satu pengetahuan yang berguna kepada sesorang pengamal perubatan kerana tugas mereka dalam masyarakat juga melibatkan aspek-aspek pengawalan dan pencegahan penyakit terhadap binatang-binatang perliharaan selain daripada merawatnya bila perlu.

5.1.7 Teknologi

Manuskrip ini juga memuatkan beberapa teknologi tertentu seperti cara membuat minyak wangi dan juga membuat dakwat. Ini dimuatkan dalam dua fasal sahaja iaitu fasal 144 dan 145. Kebanyakan Kitab Tibb akan memuatkan beberapa aspek teknologi dibahagian akhirnya. Sebuah manuskrip Kitab Tibb yang bernombor MS 101 yang terdapat dalam simpanan Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, mengandungi pengetahuan dan cara-cara menggunakan, membentul dan membuat meriam serta senapang.

Walaupun manuskrip ini memperlihatkan satu kompleksiti daripada segi isi dan pengaruh, tetapi manuskrip ini memperlihatkan satu gambaran sebenar sistem perubatan Melayu tradisional yang mengekalkan semua unsur dalam proses difusi budaya dan pengetahuan. Doktrin humorai yang berbeza daripada Galenisme menambahkan lagi kompleksiti teks ini. Sungguhpun begitu pengaruh Islam dan juga Galenisme Arab masih dominan terutama dalam aspek fisiologi dan teori farmakologi. Kepelbagaiannya yang terdapat dalam teks ini menunjukkan kepelbagaiannya pengaruh dan kedinamikan seorang pengamal perubatan menggunakan idea-idea yang pelbagai untuk merasionalalkan sesuatu fenomena yang berkaitan dengan sakit demam dan juga mencari cara rawatan yang sesuai.

5.2 Konsep Kesihatan dan penyakit dalam Ms. 33

Dalam Kitab Tibb, tidak banyak dibincangkan apakah erti atau tahap yang boleh dianggap sebagai kesihatan yang ideal. Tetapi kitab ini banyak menumpukan perhatian memberikan huraian tentang punca sesuatu penyakit sebelum ia menerangkan beberapa preskripsi ubat yang boleh digunakan. Daripada punca penyakit dan jenis-jenis penyakit dapat dibuat kesimpulan konsepsi kesihatan dalam Kitab Tibb ini. Konsep penyakit atau etiologi penyakit dalam kitab ini dapat dibahagikan kepada tiga sebab iaitu sama ada disebabkan oleh faktor-faktor biasa, luar biasa ataupun psikosomatik.

Beberapa penyebab penyakit yang boleh dimasukkan dalam sebab faktor biasa ini ialah; makanan dan minuman, cuaca, racun dan kecederaan fizikal. Agen-agen luar yang masuk ke dalam badan akan mengubah sistem badan seperti keadaan humor ataupun organ-organ tertentu. Agen-agen ini termasuklah makanan dan minuman yang

biasanya mempunyai kualiti sejuk, panas, berangin ataupun bisa. Penjenisan makanan dan minuman yang sejuk tidak diberikan dalam teks ini tetapi keputusan-keputusan yang dibuat dalam penjenisan ini selaras dengan penjenisan yang dibuat dengan menggunakan kaedah yang terdapat dalam Galenisme Arab. Makanan dan ubat-ubat yang panas seperti rempah ratus adalah dalam kategori panas, begitu juga yang pahit dan yang manis. Makanan yang sejuk seperti buah labu pula dimasukkan dalam kategori sejuk, begitu juga makanan yang berlendir. Kualiti sejuk dan panas juga boleh sampai kepada badan melalui cuaca tertentu ataupun kesejukan akibat angin waktu malam atau pagi. Racun juga boleh mengubah keseimbangan dan juga sistem badan kerana sifatnya melampaunya terutama dari segi kualiti yang kandungnya. Sebab-sebab lain yang menimbulkan kesakitan pada badan ialah kecederaan fizikal seperti terluka, patah atau terseluh.

Selain daripada penyakit yang disebabkan oleh faktor-faktor biasa di atas terdapat juga faktor-faktor luar biasa seperti sihir ataupun makhluk-makhluk halus seperti syaitan. Contohnya penyakit gila dalam kitab Tibb ini diterangkan berpunca daripada syaitan yang mempunyai beberapa nama tertentu. Dalam Kitab Tibb punca penyakit gila disebut seperti berikut:

Fasal ini menyatakan peri melihat orang gila dan kemasukan syaitan, maka kita lihat perangai sakit itu. jika giginya tergarit-garit, Namru nama syaitan yang menggodanya. Jika kaki tangannya tergerak-gerak, tergedang-gedang Bulbab syaitan yang menggodanya. Jika lidahnya terjulur-julur matanya terbeliak-beliak, nama syaitan yang menggodanya Nunas. Jika berbalik dirinya tiada boleh, nama syaitanya Sadawa yang menggodanya. Jika perangainya seperti bantal perut orang itu, Iblis nama syaita yang menggodanya. Dan jika perangainya tiada boleh berkata-kata, kaki tangannya tergoncang-goncang, nama syaitan yang menggodanya Hai. Maka lihatlah perangai syaitan itu supaya mudah kita mengubat dia¹⁷

¹⁷ A. Samad Ahmad, *Warisan Perubatan Melayu*, hal. 145

Selain daripada penyakit yang dirasai oleh seseorang kerana perubahan kepada tubuh badan fizikalnya, kegagalan seseorang itu menjalankan peranan sosial atau peranan dalam kehidupan peribadinya seperti kurang kemampuan seksual atau mandul juga dianggap sebagai mempunyai unsur-unsur negatif dalam kesihatanya. Beberapa fenomena psikosomatik seperti meroyan (risau dan hilang inggatan) yang dihadapi oleh perempuan yang baru bersalin dan juga lelah lesu juga dianggap sebagai fenomena sakit atau uzur yang perlu mendapat rawatan tertentu. Dengan konsepsi penyakit seperti yang ditunjukkan di atas, maka dapat dibuat kesimpulan bahawa kesihatan adalah satu keadaan yang merangkumi kesejahteraan tubuh badan, bebas daripada kecederaan sistem badan atau fizikal dan juga tiadanya rasa tidak sihat atau tidak selesa dalam diri seseorang.

Asas teori Galenisme Arab tentang tabiat individu atau temperamen juga menjadi sebahagian daripada pengetahuan tentang kesihatan dalam kitab Tibb ini. Kesihatan manusia berhubungkait dengan anasir-anasir tertentu yang mendominasi temperamennya. Penjagaan kesihatan mestilah mengambil kira temperamen asli seseorang itu dan tidak bertindak mengubah temperamen yang sedia ada ini. Hubungan humor dengan anasir serta kualiti-kualiti anasir yang menghasilkan temperamen seseorang digambarkan dengan jelas dalam Ms. 33 seperti berikut;

Fasal ini pada menyatakan kejadian manusia dijadikan Allah Subhanahu wa taala daripada empat anasir. Pertama tanah, perangainya dingin serta kering maka adalah insan itu sauda ertiinya hitam, iaitu di dalamnya dingin serta kering dan kurang di dalamnya panas dan basah. Maka tandanya orang itu kurus, tubuhnya nipis, banyak pekerjaannya, kurang tidur, tiada dapat ia sabar daripada Jimak. Maka ada baginya mudarat yang besar. Maka adalah asal kejadiannya daripada perangai tanah. Dalam tubuh manusia tempatnya pada almak, maka perangainya itu tubuhnya sihat. Anasir yang keduanya api, perangainya panas serta kering. Maka adalah pada insan itu safrun iaitu air yang kuning, maka iaitu panas serta kering, asal kejadiannya daripada perangai api, yang di dalam tubuh manusia tempatnya pada hempedu. Maka tandanya orang itu segera barang kerja dan lakunya, dan segera pada jalannya, lagi terang hatinya. Orang itu panas tubuhnya,

kurang tidurnya, barangkali banyak di dalamnya panas daripada kering. Maka adalah warnanya kuning.

Air, anasir yang ketiganya, perangainya dingin serta basah. Maka adalah pada insan itu balgham iaitu dingin serta basah(sifatnya). Asal kejadiannya daripada perangai air, dalam tubuh manusia tempatnya pada paru-paru. Maka adalah perangai balgham itu tambun, iaitu banyak dingin dan basah dan kurang dalamnya panas dan kering. Alamat orang itu tambun tubuhnya, banyak lemaknya. Sebab perangai basah padanya, maka orang itu banyak tidurnya, segan ia pada barang pekerjaannya, dan lambat jua, lagi kurang fahamnya. Anasir yang keempat iaitu angin, perangainya panas serta basah. Maka adalah pada insan itu damawi ertiinya darah iaitu panas serta basah (perangainya). Maka adalah asal kejadiannya daripada perangai angin, yang di dalamnya tubuh manusia, tempatnya pada hati. Bahawa tubuh orang itu nipis, tiada tebal, iaitu banyak panas serta basah, dan kurang dalamnya angin dan kering. Maka orang itu tiada taembun; kurang dagingnya, banyak darahnya, banyak perolahannya, perkertinya sederhana¹⁸

Penjagaan keseimbangan empat humor sebagaimana doktrin Galenisme Arab, adalah antara asas mekanisme penjagaan kesihatan dan farmakologi Ms. 33 ini. Hal ini diterangkan oleh pengarang kitab dalam fasal 21 sebagaimana petikan di atas. Satu asas lain dalam penjagaan kesihatan dan pengawalan penyakit yang dihuraikan dalam Ms. 33 ini dengan agak panjang lebar ialah doktrin humoral Melayu. Doktrin humoral ini dapat dianggap asli¹⁹ dan berbeza daripada doktrin humoral Ayurveda dan doktrin humoral Hippocrates yang menjadi asas doktrin Galenisme.

Dalam doktrin humoral Melayu terdapat tiga humor dalam badan manusia iaitu angin, darah dan balgham. Keseimbangan ketiga-tiga humor inilah yang menentukan mutu kesihatan seseorang. Ketiga-tiga humor ini boleh dipengaruhi oleh faktor cuaca. Dalam musim tengkujuh atau hujan humor balgham lebih aktif. Dalam musim kering unsur angin lebih dominan dan antara musim tengkujuh dan musim kering (musim ini

¹⁸ Ibid. hal. 12 - 13

¹⁹ Doktrin humoral Melayu ini dianggap asli walaupun tiada manuskrip lain yang diketahui yang menyebutnya. tetapi pengetahuan tentang tiga humor ini menjadi kebiasaan dalam perubatan popular Melayu. kajian yang dilakukan oleh Azlan Mohamad Nor menunjukkan pengamal-pengamal perubatan Melayu di Bagan Dato Perak, percaya bahawa punca penyakit adalah disebabkan oleh tiga humor sahaja.

tidak diberi nama) humor darah pula lebih dominan. Kewujudan ketiga-tiga humor ini dan kaitannya dengan cuaca diterangkan dalam Ms. 33 seperti berikut;

Fasal ini pada menyatakan sekelian sakit dan demam di dalam tubuh manusia kerana angin, darah dan balgham. Dan pitam ialah yang menyampaikan pergi mari sakit dan demam pada segala tubuh. Maka barang siapa hendak mengubat mahulah diketahui dan difahami demamnya pada segala tubuh manusia itu. Akan asal penyakit itu daripada bulan satu, bulan dua, bulan tiga dan bulan empat, maka empat bulan itu demamnya sebab anginlah menjadi pohon penyakit. Dan jika bulan lima, bulan enam, bulan tujuh dan bulan delapan sebab darah menjadi pohon penyakit. maka pada bulan sembilan, bulan sepuluh, bulan sebelas dan bulan dua belas, maka empat bulan itu sebab asalnya penyakit itu daripada balgham yang menjadi pohon penyakit. maka tiga perkara inilah pohon penyakit pada segala tubuh manusia²⁰

Sungguhpun Ms 33 ini amat tebal dengan pengaruh Hinduisme dan anamisme, tetapi kesihatan dan juga kejayaan menghilangkan penyakit dan mengembalikan kesihatan dikaitan dengan peranan dan kekuasaan Allah. Pengaruh dan semangat teologi daripada ajaran Islam sangat mewarnai teks ini, di mana-mana sahaja dalam teks ini akan dijumpai kalimah "Insyaallah", "dengan izin Allah" dan sebagainya yang menunjukkan peranan dan kepercayaan kepada Allah sebagai Penyebab Akhir sesuatu fenomena.

5.3 Etnofarmakologi dalam Ms. 33

Pandangan farmakologikal Kitab Tibb khususnya dalam mencari ubat yang berkesan dan menghindarkan diri daripada penyakit disimpulkan dalam fasal ke enam belas iaitu anekdot yang dikaitkan dengan Raja Anusruwan dari Parsi dalam abad ke 6

²⁰ Ms. 33, hal. 23

masih.²¹ Dalam semua manuskrip Kitab Tibb kisah ini muncul. Kitab ini menyebut anekdot ini seperti berikut;

Fasal ini sekali persetua tatakala masa pemerintahan Raja Nasruwan Adil. Maka dihimpunkan empat orang tabib yang tahu, seorang dari benua Rom, seorang dari benua Hindustan, seorang dari benua Habsyah dan seorang dari benua Iraq. Maka titah Raja Nasruyan pada mereka itu, "Hai kamu keempat tabib, pilih oleh kamu akan daku, suatu ubat yang tiada lagi akan datang penyakit padaku." Maka sembab tabib dari benua Rom pula, "Tuanku, bahawa diminum air hangat pagi-pagi tiga teguk tatkala belummakan, tiada lagi datang penyakit pada orang itu." Maka sembahtabib dari benua Rom pula, "Tuanku, akan ubat segala penyakit, bahawa dibaham sehari suntuk sedikit pagi-pagi daripada habb ar rasyad. Kemudian berdatang sembah pula tabib Hindustan, "Di makan tiap-tiap hari tiga biji buah kedekai yang hitam, tuanku." Maka tabib benua Habsyah berdiam juga. Kemudian Raja Nasruyan pun bertitah, "Mengapa engkau diam?" maka tabib benua Habsyah pun berdatang sembah, "Tuanku, sebab maka hambmu berdiam, kerana bersalahan sembah tabib yang tiga itu, tuanku."... maka sembah tabib Habsyah, "Ya tuanku, air hangat itu jika diminum pagi-pagi akan menghancurkan hati dan melembutkan mi'dah(perut); kerana sebab hati itu asalnya daripada darah, barangkala sampai kepadanya hangat, nescaya hancur olehnya. Adapun akan Jabar Risyadah, jika dimakan pagi-pagi menambah penyakit bernama safrawi, ya tuanku. Adapun akan kedekai itu jika dimakan pagi-pagi akan menambah penyakit bernama saudawi, ya tuanku." Maka titah raja Nasruyan, "Apa juu yang baik di makan?" Maka sembah tabib habsyah, "Ya Syah Alam, segala ubat yang terlebih utama daripada sekelian ubat, tiada lagi ada penyakit tertanya, bahawa jangan makan melainkan pada ketika lapar, barangkala makan jangan bahana kenyang dan jangan minum air melainkan pada ketika dahaga dan jika minum jangan bahana penuh. Dan jangan dihimpunkan makanan yang sama perangainya, seperti daging dan telur, kerana keduanya itu hangat. Dan jangan dihimpunkan memakan ikan dan susu, kerana keduanya itu sejuk. Dan jangan dihimpunkan memakan seperti buah kayu dan susu yang baru ditengger; kerana keduanya itu basah perangainya. Dan jangan makan makanan yang berlendir kurang masaknya. Dan jangan makanan yang sukar hancur atau liat atau keras pada ketika memamah dia. Barangkala sukar pada ketika memamah, maka terlebih sukar mi'dah mencernakan dia. Dan jangan makan serta minum air, biarkan dahulu supaya tetap makanan itu atas mi'dah. Dan jangan watti (berhubungan jenis) pada ketika tiada ghalib syahwat dan jangan tidur barangkala tiada mengantuk. Inilah ya Syah Alam, ubat yang tiada kepadanya penyakit"²²

Daripada anekdot di atas, terdapat satu bukti kukuh iaitu beberapa prinsip farmakologi yang sebenarnya berasal daripada Yunani telah menyerap masuk dalam

²¹ Dalam *Kitab Bustan al-Salatin*, kitab yang ditulis sejak abad ke 17 lagi anekdot yang sama dinukilkhan tetapi dikaitkan dengan Raja Rom (Turki) dan bukan raja Parsi. Lihat *Bustan al-Salatin*, Ms. no. 21514, hal 142.

²² A. Samad Ahmad, *Warisan Perubatan Melayu*, hal. 10-11.

sistem perubatan Melayu. Prinsip farmakologi yang paling jelas ialah prinsip alopati iaitu merawat dengan menggunakan ubat yang mempunyai sifat yang berlawanan dengan penyakit. Anekdot ini didokong lagi dengan tradisi Tibb al-Nabawi yang mempunyai keselarian dengan idea Hippocrates. manakala larangan memakan susu dengan ikan seperti dalam anekdot di atas adalah berasal daripada hadis nabi. Kedua-dua doktrin perubatan ini dapat hadir sebelah-menyebelah tanpa sebarang konflik malah wujud secara sepdua dan harmonis dalam manuskrip ini.

Prinsip alopati digunakan dengan meluasnya untuk rawatan-rawatan yang disebut dalam teks ini. Setelah sifat penyakit diketahui melalui diagnosis tertentu ubat yang berlawanan akan diberikan. Sifat penyakit boleh dikenal pasti melalui simptom dan tanda-tandanya, contohnya;

Bab ubat demam terketar-ketar sekalian anggotanya dan jadi sejuk dan dingin dalam jantungnya; walaupun diselimuti dengan kain-kain berlapis-lapis, tiada berasa daripada sangat ketarnya itu kerana terlalu sejuk. Kemudian jadi panas keluar peluh Bermula demamnya itu tiap hari datang, sebab bercampur demam dengan balgham pada paru-paru.²³

Setelah sifat penyakit itu diketahui maka ubat yang diberikan adalah seperti berikut:

Akan ubatnya, minum cuka dengan air madu yang masak pada pagi-pagi sebelum makan supaya muntah. sudah muntah itu makan apam gandum serta kuahnya daging kambing. Makan daging yang dimasak dengan bawang putih, lada halia dan kunyit. Insyaallah afiat.²⁴

Rasional pemilihan ubat jelas berdasarkan prinsip alopati. Demam kura seperti di atas dengan simptom-simptom sedemikinan meletakkan demam kura dalam jenis sejuk. Oleh itu rawatan yang diberikan ialah dengan ubat yang mempunyai sifat-sifat

²³ Ibid., hal. 28

²⁴ Ibid.

panas. Khasiat panas ini didapati daripada bahan-bahan seperti bawang putih, lada, halia dan kunyit. Sebelum ubat ini diberikan kepada pesakit, pesakit terlebih dahulu diberi emetik supaya muntah dan mengeluarkan balgham yang berlebihan daripada badan. Untuk menambahkan lagi khasiat panas sesuatu ubat beberapa langkah tambahan boleh dilakukan. Dalam satu preskripsi ubat demam kura ubat yang telah siap disediakan dicelupkan ke dalamnya tiga bilah besi yang dibakar.²⁵ Tujuannya ialah untuk menambahkan khasiat panas pada ubat berkenaan.

Walaupun ubat-ubat yang dipreskripsikan dalam MS 33 setengahnya dapat difahami rasionalnya, tetapi sebahagian rumusan tidak dapat difahami rasionalnya kerana pemilihan dan cara perumusan ubat banyak dikaitkan dengan aspek-aspek simbolisme tertentu. Misalnya ubat sakit cika adalah seperti berikut;

Bab ubat cika. Jika cika itu jadi pada siang hari, ambil duri landak asah putihnya beri minum. Jika cika itu jadi pada malam, hitamnya diasahkan diberi minum²⁶

Kebanyakan preskripsi ubat yang diberikan dalam Ms. 33 ini ialah yang berbentuk campuran. Ubat-ubat berbentuk campuran ini mengandungi bahan-bahan yang cukup banyak sehingga ada yang mencapai sehingga 33 bahan. Contohnya ialah seperti ubat sawan yang mengandungi campuran seperti berikut;

Bab ubat sawan agung. ambil lempoyang putih, temu kuning, cekur, bonglai, bawang merah, cengklik, ganti, mota, pucuk, awas-awas, halia bara, buah keras tujuh kali tujuh biji, kelapa sari, jintan hitam, ketumbar, kemukus, adas manis, adas pedas, jemuju, sunti halia padi, temu kunci dan cekur. Semua perkara ramuan yang empat itu sama banyak. Akan perkara daun kayu itu, pertama daun peria pantai, ati-ati, daun tangan-tangan, daun lenggundi, daun kapas, daun sepang, daun dedap, daun kecubung, daun pinang dan sedikit hujung melukut. Semua itu pipis lumat-lumat, hancurkan dengan air, lumurkan pada segala tubuhnya. Insyaallah, hilang sawan itu.²⁷

²⁵ Ibid., hal. 27

²⁶ Ibid., hal. 77

²⁷ Ibid., hal. 139

Satu aspek yang membezakan kitab Tibb dengan naskah-naskah perubatan selain daripada genre ini ialah ia memberikan keutamaan kepada ubat berbentuk campuran berbanding dengan ubat berbentuk tunggal. Dalam kitab Tibb juga sesetengah bahan yang dicadangkan termasuk dalam jenis yang haram dan tidak disebut dalam kitab perubatan yang lain. Antara bahan-bahan itu ialah arak dan juga bahan-bahan daripada haiwan yang haram dalam pandangan syariah Islam seperti ular dan binatang berbisa dan berbahaya yang lain. Sungguhpun begitu bahan-bahan seperti ini selalu diberi penggantinya, misalnya arak boleh diganti dengan air panas. Kebanyakan bahan untuk materia medika adalah dari jenis tumbuhan yang merangkumi jumlah yang cukup banyak. Kepelbagaiannya jenis tumbuhan yang disebut sebagai ubat dalam MS 33 ini menunjukkan betapa kayanya pengetahuan botani orang Melayu.

Dalam memberi preskripsi ubat, Kitab Tibb juga memberi perhatian terhadap materia medika yang digunakan untuk menghilangkan letih lesu ataupun menguatkan tenaga seks. Walaupun letih lesu dan kekurangan tenaga seks bukanlah satu penyakit tetapi konsep kesihatan dalam masyarakat Melayu yang merangkumi kesejahteraan manusia daripada seluruh aspek membuatkan materia medika untuk mengembalikan tenaga fizikal dan seksual menjadi penting. Begitu juga terdapat bahagian-bahagian yang khusus dalam kitab ini yang memberikan preskripsi seperti ubat untuk memudahkan bersalin atau disebut selusuh dan juga ubat-ubat yang boleh digunakan dalam psikoterapi. Pemberian ubat akan diiringi dengan doksologi yang berupa doa daripada ayat-ayat al-Quran ataupun jampi-jampi mentera tertentu.

Idea-idea yang dikemukakan dalam kitab Tibb sama ada tentang kesihatan maupun farmakologi bukanlah satu yang berlaku secara kebetulan tetapi mempunyai asas-asas tertentu. Antara asas yang kuat mempengaruhi idea kesihatan dan

farmakologi dalam kitab ini ialah doktrin Galenisme Arab dan juga doktrin humoral Melayu sendiri. Pengetahuan masyarakat tempatan tentang materia medika dan penyakit serta pengalaman yang diwarisi daripada budaya anamisme dan Hinduisme melengkapkan lagi pengetahuan orang Melayu tentang ilmu perubatan seperti yang ditunjukkan dalam Ms. 33 ini.